



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**BIL. 5 TAHUN 2017**

---

**PERMOHONAN LESEN PENGENDALI PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN  
AWAM ("PKPA") KELAS TEKSI DAN KERETA SEWA  
DAN  
PROGRAM BANTUAN GERAN TUNAI UNTUK TUJUAN PEMBELIAN KENDERAAN  
(PROGRAM BANTUAN GERAN TUNAI)**

**TARIKH: 10 OKTOBER 2017**

**PERMOHONAN LESEN PENGENDALI PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN  
AWAM (“PKPA”) KELAS TEKSI DAN KERETA SEWA  
DAN  
PROGRAM BANTUAN GERAN TUNAI UNTUK TUJUAN PEMBELIAN KENDERAAN  
 (“PROGRAM BANTUAN GERAN TUNAI”)**

**1.0 TUJUAN**

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan:-

- (a) keputusan S.P.A.D. untuk membuka kembali permohonan baharu Lesen Pengendali PKPA kelas Teksi dan kereta Sewa kepada individu;
- (b) syarat-syarat kelayakan bagi pemohon individu yang ingin memohon Lesen Pengendali PKPA kelas Teksi atau kelas Kereta Sewa;
- (c) syarat- syarat kelayakan bantuan geran tunai Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 10 Ogos 2016 dan yang telah diumumkan melalui Belanjawan 2017;
- (d) syarat-syarat pembelian kenderaan baharu dan terpakai menggunakan sijil geran tunai oleh pemegang Lesen Pengendali PKPA kelas lesen Teksi dan kelas Kereta Sewa di bawah Program Bantuan Geran Tunai; dan
- (e) garis panduan pemberian bantuan geran tunai tersebut kepada pemohon individu yang memohon Lesen Pengendali PKPA kelas Teksi atau kelas Kereta Sewa.

## **2.0 PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2.1 Berikutan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan S.P.A.D. Bil.9/2016 pada 1 September 2016, Bil.11/2016 pada 8 Disember 2016, Bil.1/2017 pada 10 Januari 2017 dan keputusan Mesyuarat Operasi dan Pembangunan S.P.A.D. Bil.6/2017 pada 14 Julai 2017, perkara-perkara berikut adalah ditetapkan:

### **2.1.1 BAHAGIAN 1**

2.1.1.1 Permohonan baharu bagi Lesen Pengendali PKPA kelas Teksi dan kelas Kereta Sewa adalah dibuka bermula pada 1 September 2016.

2.1.1.2 Permohonan ini hanya terbuka kepada individu-individu yang pernah memandu teksi atau kereta sewa bagi pengendali berlesen.

### **2.1.2 BAHAGIAN 2**

2.1.2.1 Syarat-syarat kelayakan bagi individu yang ingin memohon Lesen Pengendali PKPA kelas Teksi atau kelas Kereta Sewa ("Pemohon Individu") adalah seperti berikut:

- i. warganegara Malaysia;

- ii. berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) sebagai sebuah entiti Milikan Tunggal atau Perkongsian;
- iii. memiliki lesen vokasional (*public service vehicle licence*) (“PSV”) yang masih sah semasa permohonan dibuat;
- iv. memiliki kad pemandu yang dikeluarkan oleh S.P.A.D. (“Kad Pemandu”) yang masih sah atau mempunyai kad pemandu yang telah tamat tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun dari tarikh permohonan dibuat;
- v. mempunyai pengalaman memandu Teksi atau Kereta Sewa selama tiga (3) tahun;
- vi. tidak memiliki sebarang Lesen Pengendali PKPA kelas Teksi atau kelas Kereta Sewa semasa permohonan dibuat;
- vii. tidak disabitkan dengan kesalahan jenayah semasa permohonan dibuat; dan
- viii. bukan muflis.

### 2.1.3 BAHAGIAN 3

2.1.3.1 Pemohon Individu yang memenuhi syarat-syarat kelayakan di Bahagian 2 adalah layak untuk mendapatkan bantuan geran tunai di bawah Program Bantuan Geran Tunai untuk pembelian kenderaan sekiranya:

- i. memiliki Kad Pemandu yang masih sah atau mempunyai kad pemandu yang telah tamat tempoh tidak melebihi satu (1) tahun dari tarikh permohonan Lesen Pengendali dibuat; dan
- ii. telah tamat kontrak pajak berkeajaan sewa beli kenderaan antara pemohon tersebut dan pengendali berlesen bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun sebelum tarikh permohonan Lesen Pengendali Kelas Teksi atau Kereta Sewa dibuat.

2.1.3.2 Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon untuk mendapatkan bantuan geran tunai adalah seperti berikut:

- i. salinan kontrak sewa beli kenderaan antara pemohon individu dan pengendali berlesen yang telah luput; atau
- ii. surat pengesahan dari pengendali berlesen berkeajaan penamatan apa-apa kontrak pajak sewa

beli antara pemohon individu dan pengendali berlesen; atau

- iii. surat akuan sumpah yang menyatakan butiran tempoh kontrak memandu teksi dengan pengendali berlesen seperti di **Lampiran 1**.

#### 2.1.4 **BAHAGIAN 4**

- 2.1.4.1 Pemohon yang memenuhi syarat-syarat kelayakan Program Bantuan Geran Tunai akan menerima Sijil Bantuan Geran Tunai ("**Sijil**") dan mempunyai pilihan untuk membeli kenderaan baharu atau kenderaan terpakai.

##### **Pembelian kenderaan baharu**

- 2.1.4.2 Bagi pembelian kenderaan baharu, pemohon perlu mengemukakan Sijil kepada mana-mana pengeluar kenderaan atau pengedar yang berdaftar semasa pembelian kenderaan dibuat. Sijil ini adalah diterima sebagai bayaran muka oleh pihak pengeluar kenderaan. Ringkasan proses mendapatkan Lesen Pengendali PKPA kelas Teksi atau kelas Kereta Sewa dan bantuan geran tunai sebanyak RM5,000.00 untuk tujuan pembelian kenderaan baharu adalah dilampirkan di **Lampiran 2** Pekeliling ini.

## **Pembelian kenderaan terpakai**

- 2.1.4.3 Pemohon yang bercadang untuk membeli kenderaan terpakai hendaklah terlebih dahulu membeli kenderaan tersebut menggunakan dana sendiri.
- 2.1.4.4 Syarat-syarat pembelian kenderaan terpakai menggunakan Sijil oleh pemegang Lesen Pengendali PKPA kelas Teksi atau kelas Kereta Sewa di bawah Program Bantuan Geran Tunai adalah seperti berikut:
- i. Kelas Teksi:  
Usia kenderaan terpakai yang hendak dilesenkan mestilah tidak melebihi tiga (3) tahun dari tahun didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); dan
  - ii. Kelas Kereta Sewa:  
Usia kenderaan terpakai yang dilesenkan mestilah tidak melebihi 10 tahun dari tahun didaftarkan di JPJ.
- 2.1.4.5 Setelah kenderaan berkenaan dilesenkan oleh S.P.A.D, pemegang lesen hendaklah mengisi Borang Tuntutan Geran Pembelian Kenderaan Terpakai oleh Pemegang Lesen Individu yang boleh didapati di pejabat S.P.A.D. atau dimuat turun melalui laman web rasmi S.P.A.D. di [www.spad.gov.my](http://www.spad.gov.my). Borang tersebut hendaklah dimajukan kepada S.P.A.D. beserta dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:

- (a) salinan Kad Pengenalan;
- (b) salinan Lesen Pengendali;
- (c) salinan Permit Kenderaan;
- (d) Sijil (Sijil Bantuan Geran Tunai) asal;
- (e) bukti/resit pembelian kenderaan asal;
- (f) salinan geran kenderaan; dan
- (g) salinan penyata kewangan yang terkini.

2.1.4.6 Ringkasan proses mendapatkan Lesen Pengendali PKPA kelas Teksi atau kelas Kereta Sewa dan bantuan geran tunai sebanyak RM5,000.00 untuk tujuan pembelian kenderaan terpakai adalah dilampirkan di **Lampiran 3** Pekeliling ini.

### **3.0 PEMAKAIAN**

3.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pemohon Lesen Pengendali Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam kelas Teksi dan kelas Kereta Sewa.



#### 4.0 PEMBATALAN

- 4.1 Pekeliling S.P.A.D. Bil.4 Tahun 2017 bertarikh 31 Mac 2017 berkenaan Syarat-Syarat Kelayakan Permohonan Lesen Pengendali PKPA kelas teksi dan Kereta Sewa dan Syarat-Syarat Kelayakan Bantuan Geran Tunai untuk Pembelian Kenderaan Bagi Pemohon Lesen Pengendali PKPA Kelas Teksi dan Kereta Sewa adalah **dibatalkan**.

#### 5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **10 Oktober 2017**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH)**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

**10 Oktober 2017**

Lampiran 1

**SURAT AKUAN SUMPAH**

Saya \_\_\_\_\_  
no. Kad Pengenalan \_\_\_\_\_ yang beralamat di

\_\_\_\_\_ dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa saya bekerja sebagai pemandu pertama/pemandu kedua\* (potong yang tidak berkenaan) dengan syarikat \_\_\_\_\_ yang beralamat di

\_\_\_\_\_ selama \_\_\_\_\_ tahun bermula pada \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

Nombor Kad Pemandu	:	_____
Nombor kenderaan	:	_____
Kelas Lesen (Teksi/K.Sewa)	:	_____

Saya membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar, serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas faitu


\_\_\_\_\_ }  
di \_\_\_\_\_ }  
di Negeri \_\_\_\_\_ }  
pada \_\_\_\_\_ } \_\_\_\_\_

Di hadapan saya,

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)

## Lampiran 2

Ringkasan proses bagi mendapatkan Lesen Pengendali PKPA kelas Teksi atau kelas Kereta Sewa dan bantuan geran tunai sebanyak RM5,000 untuk tujuan pembelian kenderaan baharu:



### Lampiran 3

Ringkasan proses bagi mendapatkan Lesen Pengendali PKPA kelas Teksi atau kelas Kereta Sewa dan bantuan geran tunai sebanyak RM5,000 untuk tujuan pembelian kenderaan terpakai:

